



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 11 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NAIK ELAUN NELAYAN IKUT KEMAMPUAN, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
11/8/2023	KOSMO	NEGARA	SURAT

# Keupayaan kerajaan masih terhad ketika ini ekoran pemulihan ekonomi Naik elauun nelayan ikut kemampuan

Oleh JAMILIAH ABDULLAH

**ALOR SETAR** — Kerajaan memberi jaminan untuk mengkaji kembali Naikan Elauun Saraw Hidup Nelayan (ESHN) mengikut kemampuan kewangan negara pada masa hadapan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohammad Sabu berkata, kenalkan itu belum dapat dilaksanakan ketika ini memandangkan kemampuan kerajaan yang masih terhad kerana pemulihan ekonomi negara masih berlaku.

"Ta (kenalkan elauun) bermakna kepada kemampuan kewangan kerajaan dan akan dipenuhi berdasarkan kemampuan kerajaan. Kalau negara kita, ekonomi mulai pulih, memang sedang pulih dan apabila berlaku pendapatan bertambah insya-Allah tuntutan nelayan ini akan ditularkan.

"Kewangan kerajaan masih lagi terhad kerana pemulihan ekonomi masih berlaku, namun kita juga sedang carijalan terbaik bagaimana nak meringankan beban rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada



**MOHAMAD** (tengah) bergambar bersama nelayan pada Majlis Mesra Nelayan di Kompleks LKIM Kedah di Kuala Kedah semalam.

sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Mesra Madani bersama Nelayan di Kompleks Lembaran Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kedah, di sini semalam.

Pemberian ESHN kepada nelayan ketika ini sebanyak RM300 sebulan kepada nelayan laut dan

RM250 kepada nelayan darat. Mengulas lanjut kata Mohamad, ekonomi negara yang semakin pulih ketika ini terutama selepas pandemik Covid-19 memerlukan kestabilan politik.

"Kalau tak stabil macam mereka tengah main isu pilhan raya,

Kewangan sedang pulih, jadi antaranya kestabilan penting kalau main isu nak tukar kerajaan, pelabur teragak-agak nak datang," ujarnya.

Menurutnya, sehingga ini kerajaan melalui LKIM meneruskan bantuan elauun berkenaan

kepada 38,000 nelayan di seluruh negara dengan peruntukan RM36.8 juta.

"Kerajaan juga masih teruskan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan sebanyak 70 juta liter sebulan dengan kadar diterapkan RM1.65 seliter," ujarnya.